



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

**PGT 219: PENGANTAR KAEDAH MENGAJAR ILMU
KEMANUSIAAN**

TAJUK:

MEMPELBAGAIKAN KAEDAH (KAEDAH LAKONAN)

NAMA:

MUHAMMAD AIDIEL FAIQ BIN MAZLAN (143071)

MOHAMAD NUR IRFAN BIN MAT NOOR (142591)

NAMA

PENSYARAH:

DR. JAMALSAFRI SAIBON

1.0 DEFINISI LAKONAN

Menurut Safiah Hussain (1988), lakonan bermaksud sebuah pementasan atau persembahan drama atau aksi mimic atau satu genre sastera. Para pelakon menyampaikan komunikasi kepada penonton, iaitu melalui suara dan gerak tubuhnya. Selain itu, menurut Syahrul Fithri bin Musa (2006) menghuraikan pendapat oleh Ruby Cohn mentafsirkan lakonan sebagai sebuah pertunjukkan atau perlakuan yang disengajakan oleh manusia untuk berhubung dengan manusia yang lain. Drama as a text or script and the dimension of as a show or performance (Soemanto 2007). Bhat (2014) drama describes conditions of class conflicts, racial and cultural clashes, as well as human life suffering.

2.0 TUJUAN MENGGUNAKAN KAEDAH LAKONAN UNTUK MENGAJAR

Terdapat banyak tujuan untuk menggunakan kaedah lakonan untuk mengajar. Antaranya ialah melalui kaedah lakonan, para pelajar dapat meningkatkan kesedaran dan keyakinan diri. Hal ini demikian kerana melalui kaedah lakonan ini, para pelajar sendiri akan melakonkan sesebuah watak di hadapan guru dan pelajar-pelajar yang lain. Apabila guru kerap menggunakan kaedah ini, hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan para pelajar untuk berlakon lantas dapat memotivasikan diri para pelajar tersebut.

Selain itu, antara tujuan menggunakan kaedah lakonan untuk mengajar ialah dapat memberi penekanan terhadap pembelajaran keseluruhan pelajar dan input pelbagai deria seperti deria melihat dan mendengar. Sebagai contoh, apabila seseorang pelajar itu melakonkan sesebuah watak yang mempunyai nilai-nilai sejarah seperti Tokoh Sejarah di Malaysia, ianya akan dapat menarik minat para pelajar untuk menonton lakonan tersebut serta mendengar kata-kata yang dilontarkan oleh seseorang pelakon itu. Melalui kaedah ini, para pelajar akan dapat memberikan tumpuan dengan lebih.

Di samping itu, antara tujuan menggunakan kaedah lakonan untuk mengajar ialah ia dapat merangkumi domain kognitif dan afektif. Secara umumnya, domain kognitif melibatkan proses pengingatan semula atau pengecaman pengetahuan dan perkembangan kebolehan intelek dan kemahiran. Manakala domain afektif merujuk kepada nada rasa, emosi atau satu darjah penerimaan atau penolakan.

3.0 TEKNIK-TEKNIK LAKONAN

Terdapat beberapa teknik lakonan yang boleh dijalankan yang bertujuan untuk mengajar. Antaranya ialah teknik simulasi. Menurut Heinich, et. Al (1993), simulasi merupakan satu simplifikasi akan beberapa situasi sebenar ataupun proses. Apabila teknik simulasi dijalankan, para peserta memainkan berbagai peranan yang melibatkan mereka berinteraksi dengan orang lain atau dengan unsur-unsur persekitaran yang diwujudkan. Secara umumnya, teknik simulasi merupakan sebuah teknik pengajaran dan pembelajaran dimana murid-murid akan mengajuk dan melakukan sesuatu secara pura-pura, tetapi dalam keadaan tersusun. Perkara-perkara yang boleh diajukkan atau dilakukan secara pura-pura adalah seperti sesuatu peristiwa, masalah dan situasi dalam konteks yang sebenar. Teknik simulasi ini boleh menunjukkan keadaan yang pelbagai seperti yang terdapat dalam kehidupan manusia atau situasi sebenar.

Selain itu, antara teknik lakonan yang boleh dijalankan yang bertujuan untuk mengajar ialah teknik improvisasi. Menurut Kuritz (1982), improvisasi ialah aksi-aksi mainan yang dicipta melalui penganalisan secara imaginatif dan dicipta berdasarkan keadaan-keadaan ketika itu. Menurut Crawford (1983) pula, improvisasi adalah berimajinasi dan mencipta plot atau cerita yang ringkas serta melaksanakannya dengan dialog dan aksi-aksi yang tidak dirancang terlebih dahulu. Dalam erti kata lain, improvisasi merupakan penampilan watak atau adegan secara spontan.

Di samping itu, antara teknik lakonan yang boleh dijalankan yang bertujuan untuk mengajar ialah teknik mimos. Menurut John Dougill (1987), mimos merupakan lakonan non-verbal dari idea atau cerita melalui isyarat, pergerakan badan dan ekspresi. Teknik mimos menekankan ciri-ciri paralinguistik komunikasi. Melalui teknik mimos, ia dapat meningkatkan keyakinan pelajar dengan menggalakkan mereka untuk bangun dan melakukan perkara-perkara dihadapan satu sama lain. Secara amnya, mimos adalah dengan menjalankan idea-idea atau cerita melalui isyarat, pergerakan badan dan ungkapan tanpa menggunakan kata-kata. Teknik mimos ini dapat membantu pelajar menjadi selesa dengan idea mereka semasa melakukan aktiviti dihadapan rakan sebaya tanpa menghiraukan bahasa mereka. Teknik mimos adalah cara yang baik untuk menguatkan ingatan dengan cara visual.

Seterusnya, antara teknik lakonan yang boleh dijalankan untuk mengajar ialah teknik main peranan. Menurut Wrentschur dan Altman (2002), main peranan membolehkan seseorang mendalami pengalaman dan mencuba apa yang dirasakan oleh orang lain.

Secara umumnya, main peranan adalah satu aktiviti yang memerlukan seseorang mengambil peranan yang sebenar atau khayalan. Ianya melibatkan interaksi spontan seseorang ketika mereka cuba menyelesaikan tugas. Idea atau cerita untuk kaedah main peranan boleh didapati dari situasi guru itu sendiri atau daripada pengalaman dalam kehidupan pelajar, misalnya dari buku, program televisyen, filem, dan interaksi harian mereka dengan orang lain sama ada di sekolah, universiti dan tempat kerja. Selepas memilih konteks main peranan, langkah seterusnya adalah dengan menyediakan idea tentang bagaimana situasi itu dapat dikembangkan.

4.0 JENIS-JENIS LAKONAN

Antara jenis lakonan adalah lakonan berdasarkan permainan. Lakonan jenis ini biasanya dijalankan tanpa perancangan. Pelajar-pelajar diminta untuk melakukan sebuah jenis permainan yang pernah mereka lakukan sebelum ini seperti bermain bola sepak, layang-layang, guli, badminton dan sebagainya. Pelajar akan dipilih secara rawak, kemudian diminta untuk ke hadapan dan guru memberi arahan supaya mereka melakonan permainan tersebut berdasarkan gaya dan kreativiti sendiri. Manakala pelajar-pelajar yang lain akan memerhatikan pergerakan yang sedang dilakonan dan meneka jenis permainan tersebut.

Seterusnya, antara jenis lakonan adalah lakonan spontan. Lakonan spontan merupakan lakonan yang tidak dirancang dan dijalankan tanpa menggunakan skrip. Pelajar-pelajar diberi peluang untuk berlakon dengan menggunakan ayat sendiri secara semerta iaitu lahir daripada fikiran mereka sendiri. Kebiasaannya, lakonan spontan ini melibatkan dua orang pelakon atau lebih. Sebelum berlakon, peranan pelakon-pelakon haruslah diperjelaskan dan guru perlu memberikan gambaran, suasana dan peristiwa yang hendak dilakonan itu sebelum pelajar melakonkannya secara bebas.

Disamping itu, lakonan berskrip juga merupakan salah satu jenis-jenis lakonan. Lakonan berskrip dijalankan dalam dua bentuk, iaitu lakonan tidak bersengaja dan lakonan bersengaja. Lakonan tidak bersengaja merupakan lakonan tidak formal yang dilakukan selepas murid-murid mendengar sesuatu cerita atau kejadian serta tidak memerlukan persediaan yang rapi dan guru berperanan memberikan nasihat dan cadangan sahaja manakala murid bebas berlakon menggunakan perkataan sendiri. Manakala lakonan jenis bersengaja pula memerlukan perancangan teliti di mana murid-murid diberi skrip lakonan berdasarkan cerita-cerita yang dipilih oleh guru.

Selain itu, salah satu jenis lakonan adalah lakonan boneka. Guru memperlihatkan beberapa contoh boneka (*puppet*) dan melakonkannya. Jenis lakonan ini mempunyai pelbagai versi dialog boleh dibina berdasarkan boneka berkenaan dan lakonan jenis ini amat sesuai untuk menyampaikan pelajaran kepada murid-murid yang pemalu. Semasa boneka berkenaan dilakonan, murid-murid diminta mendengar dengan teliti dan mengenalpasti isi penting dan kesalahan bahasa. Bagi murid-murid sekolah menengah, mereka digalakkan membina skrip mudah dan kemudiannya melakonkan sendiri menggunakan boneka berkenaan.

Lantaran itu, lakonan puisi juga tergolong dalam jenis-jenis lakonan. Lakonan puisi dijalankan oleh murid berdasarkan pembacaan puisi. Sebelum aktiviti ini dijalankan, guru akan memilih puisi-puisi yang sesuai dengan tahap murid. Penggunaan sajak dan pantun sesuai untuk murid-murid sekolah rendah, manakala gurindam, seloka, syair dan nazam sesuai untuk murid-murid sekolah menengah. Berdasarkan senikata puisi tersebut, murid-murid dikehendaki melakonkan satu pergerakan mengikut baris-baris seperti yang terdapat didalam puisi berkenaan semasa puisi berkenaan sedang diperdengarkan.

Akhir sekali adalah lakonan cerita yang merupakan salah satu yang terdapat dalam jenis-jenis lakonan. Guru boleh mendapatkan bahan berkenaan menerusi buku cerita yang terdapat di perpustakaan atau bilik darjah di sekolah. Caranya mudah kerana beberapa orang murid yang dipilih akan membaca buku berkenaan sehingga tamat, kemudiannya melakonkan semula peristiwa yang telah dibaca di hadapan rakan-rakan. Guru boleh memperluas pengetahuan murid-murid dengan menggunakan buku-buku cerita yang mempunyai tema yang pelbagai seperti fiksyen Sains, Kesihatan, Agama, Sivik dan sebagainya

5.0 PROSEDUR PERLAKSANAAN AKTIVITI LAKONAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan kaedah lakonan di sekolah bagi merealisasikan hasrat transformasi pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan supaya pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif serta berpusatkan pelajar. Kaedah lakonan digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang supaya sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menjadi seronok untuk diikuti oleh pelajar. Kaedah lakonan juga merupakan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran yang menyediakan pelajar peluang untuk mengintegrasikan,

bereksperimentasi dan menggunakan apa yang telah dipelajari dalam modul berdasarkan aktiviti, seronok dan bermakna. Oleh yang demikian, kaedah lakonan sesuai digunakan dalam sesi pengajaran dan dilaksanakan sepenuhnya oleh murid-murid sementara guru hanyalah sebagai fasilitator. Oleh itu, terdapat prosedur dalam pelaksanaan aktiviti lakonan ketika pengajaran dan pembelajaran.

Terdapat tiga langkah dalam prosedur pelaksanaan aktiviti lakonan ketika pengajaran dan pembelajaran. Langkah pertama dalam prosedur pelaksanaan aktiviti lakonan ialah langkah sebelum pelaksanaan aktiviti lakonan, iaitu sebelum aktiviti lakonan dilaksanakan di dalam kelas, guru perlu membuat perancangan mengenai aktiviti lakonan yang akan dilakukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Semasa guru membuat perancangan aktiviti lakonan guru perlu mengambil kira aspek pemilihan tema lakonan iaitu guru harus memilih tema yang bersesuaian dengan isi pengajaran yang ingin disampaikan. Sebelum pelaksanaan aktiviti lakonan guru juga mestilah memberi penerangan dan arahan yang jelas mengenai aktiviti lakonan serta memberi peluang kepada murid untuk membaca skrip untuk memahami jalan cerita dan memastikan murid berada dalam keadaan yang sedia untuk melakonkan sesuatu cerita supaya memudahkan pelaksanaan aktiviti lakonan di samping dapat mengawal murid di dalam kelas untuk memastikan objektif pengajaran dapat disampaikan dengan jelas kepada pelajar.

Seterusnya langkah dalam prosedur pelaksanaan aktiviti lakonan ialah langkah semasa pelaksanaan aktiviti lakonan. Semasa pelaksanaan aktiviti lakonan di dalam kelas, murid perlu melakonkan watak yang dipegangnya dengan baik iaitu murid perlu menggunakan nada suara yang sesuai dan jelas serta menunjukkan ekspresi mimik muka dan gaya badan yang sesuai dengan situasi jalan cerita. Kebiasaannya, konflik akan berlaku dalam diri murid yang terlibat dengan lakonan iaitu berlakunya konflik antara dirinya dengan watak yang dipegangnya, di mana murid yang mengalami konflik ini akan kelihatan kurang yakin semasa pelaksanaan aktiviti lakonan di dalam kelas. Walau bagaimanapun, konflik ini dapat di atasi dengan guru memberi lebih banyak peluang kepada pelajar untuk berlakon. Keberkesanan watak yang dilakonan oleh murid akan mempengaruhi kefahaman murid lain yang menonton. Hal ini demikian kerana sekiranya murid yang berlakon dapat melakonkan watak dengan baik ia memudahkan murid yang menonton memahami jalan cerita yang dilakonan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Oleh itu, jelaslah bahawa semasa pelaksanaan aktiviti lakonan murid perlu melakonkan watak yang dipegang dengan baik supaya jalan cerita mudah untuk difahami serta objektif pengajaran dapat dicapai.

Akhir sekali, langkah dalam prosedur pelaksanaan aktiviti lakonan ialah langkah selepas pelaksanaan aktiviti lakonan. Selepas aktiviti lakonan, aktiviti perbincangan antara guru dan murid perlu dilakukan, ia memerlukan guru membuat refleksi bersama-sama dengan murid-murid bagi membincangkan tentang beberapa perkara. Pertama, perbincangan mengenai lakonan murid-murid. Guru perlu memberikan pujian dan galakkan kepada murid-murid agar mereka lebih yakin lagi pada masa akan datang di samping mencadangkan penambahbaikan yang sesuai. Guru juga perlu membincangkan bersama murid mengenai isi pengajaran serta nilai moral yang terdapat dalam lakonan yang dijalankan agar isi pengajaran yang ingin disampaikan tercapai. Di samping itu, sesi soal jawab antara guru dan murid perlu dilakukan untuk menguji tahap kefahaman murid.

Kesimpulannya, guru harus melaksanakan kaedah lakonan mengikut prosedur pelaksanaan aktiviti lakonan untuk memastikan kaedah lakonan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan serta menggalakkan murid untuk mengembangkan potensi dan bakat murid.

6.0 REFLEKSI INDIVIDU

MOHAMAD NUR IRFAN BIN MAT NOOR (142591)

Pertama sekali saya ingin melafazkan Alhamdulillah sebagai tanda kesyukuran yang tidak terhingga kerana dengan izinnnya saya dapat menyiapkan tugas Pengantar Kaedah Mengajar Ilmu Kemanusiaan (PGT 219) iaitu pelaksanaan kerja kursus pengajaran mikro. Melalui pengajaran mikro, saya menggunakan kaedah lakonan sebagai kemahiran mengajar. Melalui kerja kursus pengajaran mikro ia banyak memberikan saya pengalaman baharu dan pendedahan situasi sebenar ketika sesi pengajaran di dalam kelas serta mampu mempersiapkan saya dalam menempuhi alam perguruan kelak.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah yang saya hormati iaitu Dr. Jamalsafri Bin Saibon yang banyak membimbing dalam memastikan kerja kursus ini berjalan dengan lancar. Terima kasih juga kepada ahli kumpulan saya iaitu Muhammad Aidiel Faiq Bin Mazlan yang banyak memberikan komitmen dan kerjasama dalam menjalankan tugas.

Disamping itu, melalui kerja kursus pengajaran mikro, saya memperolehi banyak pengetahuan dan kemahiran asas tentang konsep serta perkaedahan pengajaran mata pelajaran dan penerapan teknik-teknik mengajar yang sesuai. Apabila kumpulan saya ditugaskan dengan tajuk kaedah mengajar secara lakonan banyak pengetahuan yang dapat saya pelajari mengenai kaedah lakonan iaitu dari segi cara pelaksanaan kaedah lakonan ketika sesi pengajaran serta didedahkan dengan perkara-perkara yang perlu difokuskan dalam kaedah lakonan. Selain itu, melalui pengajaran mikro saya juga dapat mengendalikan interpersonal dan intrapersonal saya dengan baik, hal ini demikian kerana saya didedahkan dengan situasi sebenar ketika proses pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan saya untuk berkomunikasi dengan pelajar dengan penuh kesabaran dan kecekalan ketika sesi pengajaran yang menggunakan kaedah lakonan.

Sememangnya banyak perkara yang berlaku ketika tempoh pengajaran mikro yang menggunakan kaedah lakonan, antaranya kesukaran mencari bahan bantu lakonan iaitu bahan prob lakonan, kesukaran mengawal kelas ketika aktiviti lakonan serta memerlukan masa yang lama ketika melaksanakan aktiviti lakonan ketika sesi pengajaran. Namun, masalah tersebut dapat diselesaikan dengan bantuan daripada rakan-rakan perjuangan yang sudi menyumbangkan idea dan memberikan komitmen sepenuhnya sepanjang tempoh pengajaran mikro ini.

Kesimpulannya, syukur alhamdulillah saya mampu menyiapkan tugas ini dalam tempoh yang ditetapkan. Lantaran itu, melalui pengajaran mikro ini, mampu melatih dan mendedahkan saya kepada situasi sebenar ketika sesi pengajaran di dalam kelas agar dapat saya menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai mengikut sukatan pengajaran yang ditetapkan serta mampu mempersiapkan saya dalam menempuhi alam perguruan kelak.

MUHAMMAD AIDIEL FAIQ BIN MAZLAN (143071)

Saya bersyukur terhadap Illahi kerana telahpun berjaya melaksanakan tugas yang telah diberikan oleh pensyarah saya iaitu Dr Jamalsafri Saibon yang telah mengajar saya subjek PGT 219 iaitu subjek Pengantar Kaedah Mengajar Ilmu Kemanusiaan. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr Jamalsafri kerana telah memberi tunjuk ajar serta dorongan kepada saya dan juga ahli kumpulan saya iaitu Mohamad Nur Irfan bin Mat Noor. Tanpa tunjuk ajar serta dorongan dari pensyarah saya, sudah pastinya saya gagal melaksanakan tugas ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah

melibatkan diri sepanjang tugas ini dilaksanakan, terutamanya rakan kumpulan saya iaitu Irfan kerana telah banyak membantu saya serta sanggup mengorbankan masa untuk menyiapkan tugas ini.

Apabila kumpulan saya ditugaskan dengan tajuk Kaedah Mengajar secara lakonan, saya dan rakan kumpulan telahpun sebulat suara untuk mencari bahan-bahan rujukan berbentuk ilmiah serta mencari jurnal-jurnal yang berkait rapat dengan tugas yang telah diberikan. Alhamdulillah, saya dan rakan kumpulan saya berjaya menemukan buku-buku rujukan serta jurnal tersebut. Pada peringkat permulaannya, saya dan ahli kumpulan saya agak bingung untuk melaksanakan tugas ini kerana tiada pengalaman, terutamanya untuk menghasilkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Namun begitu, setelah berjumpa dengan Dr Jamalsafri, beliau telahpun memberikan dorongan serta tunjuk ajar kepada kami untuk melaksanakan tugas ini.

Semasa rakaman video untuk memenuhi kehendak pemarkahan kursus ini dijalankan, saya berasa agak gugup kerana tidak pernah dirakam oleh orang lain ketika mengajar dihadapan. Hal ini secara tidak langsung memberikan sebuah pengalaman yang tidak mampu dibeli oleh wang ringgit. Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dilakukan, saya menggunakan Alat Bantu Mengajar yang lebih cenderung terhadap penggunaan teknologi iaitu menggunakan Slide Powerpoint. Saya juga dapat pengalaman baru ketika merakamkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh rakan kumpulan saya iaitu Irfan. Hal ini demikian kerana sebelum ini, saya tidak pernah merakam sebarang bentuk sesi pengajaran di dalam bilik mikro.

Melalui tugas ini, saya dapat memperbetulkan kemahiran-kemahiran yang perlu ada di dalam jiwa seseorang guru untuk mengajar pelajar-pelajar kelak. Hal ini demikian kerana semasa sesi pembentangan dilaksanakan, saya telahpun menerima pelbagai bentuk kritikan yang membina dari pensyarah dan juga rakan-rakan. Akhir sekali, melalui subjek PGT 219 ini, saya mengharapkan rakan-rakan seperjuangan dapat sesuatu yang positif supaya dapat dipraktikkan ketika menjadi guru kelak.